

KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“HEBAHAN PEMANGGILAN SEMULA KENDERAAN LIBATKAN ENAM (6) JENIS BUATAN KENDERAAN”

PUTRAJAYA, 20 FEBRUARI 2025 - Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia ingin memaklumkan terdapat aktiviti pemanggilan semula yang melibatkan **41,688 kenderaan** daripada enam (6) jenis buatan kenderaan. Aktiviti pemanggilan semula ini adalah penting bagi mengelakkan kemalangan berlaku disebabkan oleh kecacatan pada struktur, peralatan atau sistem pada kenderaan tersebut.

Model kenderaan yang terlibat dalam aktiviti pemanggilan semula adalah seperti berikut :

BIL	BUATAN	JENIS MODEL	KUANTITI KENDERAAN
1.	HONDA	CIVIC & CR-V	36,678
2.	KIA	Sorento XM	4,245
3.	MAN TGS	TGS 18,360 4x2 BL SA TGS 33,540 6x4 BB SA TGS 28,440 6x2 BL SA TGS 33,480 6x4 BB SA	291
4.	FORD	Ford Everest	288
5.	AUDI	e-tron GT RS e-tron GT	168
6.	MERCEDES	Mercedes-Benz Mercedes-AMG	18
JUMLAH KESELURUHAN			41,688

Setiap pemilik kenderaan yang terlibat akan dihubungi oleh pihak pengeluar kenderaan masing-masing bagi proses penyelarasan slot pemeriksaan kenderaan masing-masing. Oleh yang demikian, semua pemilik kenderaan model yang terlibat adalah dimohon untuk membuat perancangan bagi membolehkan proses pemanggilan semula dan pemeriksaan kenderaan dapat dijalankan secepat mungkin.

Untuk makluman, mana-mana komponen yang terlibat dengan isu tersebut akan digantikan dengan kos yang ditanggung oleh pihak pengeluar kenderaan masing-masing.

Maklumat lanjut berkenaan proses pemanggilan semula ini, pemilik kenderaan boleh hubungi atau kunjungi mana-mana pusat jualan/ perkhidmatan masing-masing yang berdekatan.

Pihak JPJ akan memantau pelaksanaan proses pemanggilan semula ini dan komited untuk memastikan kesemua unit kenderaan yang terlibat akan menjalani pemeriksaan dan disahkan selamat.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA
20 FEBRUARI 2025**

[TAMAT]

PERINCIAN AKTIVITI PEMANGGILAN SEMULA KENDERAAN

HONDA

BIL	MODEL	TAHUN PENGELUARAN	KUANTITI KENDERAAN	PERKARA
1.	HONDA Civic 1.5L E Civic 1.5L V Civic 1.5L RS Civic 2.0L e:HEV RS	2022 - 2024	26,802	Bunyi yang tidak normal dan pusingan tidak lancar pada stereng semasa membelok.
2.	HONDA Civic TYPE-R	2023 - 2024	159	
3.	HONDA CR-V 1.5L E CR-V 1.5L V CR-V 1.5L S CR-V 2.0L e:HEV RS	2024	9,717	

Honda Malaysia Sdn. Bhd.

Hubungi : 1-800-88-2020

Layari : <http://www.honda.com.my/customer-service>

KIA

BIL	MODEL	TAHUN PENGELUARAN	KUANTITI KENDERAAN	PERKARA
1.	KIA Sorento XM	2011 - 2015	1,384	Kerosakan pada rod bearing penyambung enjin.
2.	KIA Sorento XM	2010 - 2014	2,861	Kenderaan mungkin mengalami litar pintas elektrik yang boleh menyebabkan kebakaran pada 'circuit board Hydraulic Electronic Control Unit (HECU).

Dinamikjaya Motors Sdn. Bhd.(KIA)

Hubungi : 03-7627 3222

Emel : customersupport@kiamalaysia.com.my

Layari : <https://kiamalaysia.com.my/kia/recall.html>

MAN TGS

BIL	MODEL	TAHUN PENGELUARAN	KUANTITI KENDERAAN	PERKARA
1.	MAN TGS 18,360 4x2 BL SA TGS 33,540 6x4 BB SA TGS 28,440 6x2 BL SA TGS 33,480 6x4 BB SA	2021 - 2023	291	Masalah pada soket 24V dalam panel instrumen

MAN Truck & Bus (M) Sdn. Bhd.

Hubungi : 1. 03 - 51612266 (Shah Alam)
2. 04 - 3970148 (Perai)
3. 07 - 3531027 (Johor Bahru)
4. 03 - 31790209 (Port Klang)
5. 09 - 536937 (Kuantan)

FORD

BIL	MODEL	TAHUN PENGELUARAN	KUANTITI KENDERAAN	PERKARA
1.	FORD Everest 2.0L Titanium 4WD AT	2022 - 2024	8	<i>e-Shifter battery drain while driving.</i>
2.	FORD Everest 2.0L Sport 2WD 6AT	2022 - 2024	44	<i>The driver or passenger side windows may not automatically reverse when encountering an object.</i>
	Everest 2.0L Titanium 4WD AT		214	
	Everest 2.0L Trend 4WD AT		12	
	Everest 2.0L Wildtrak 4WD AT		10	

Sime Darby Auto Connexion Sdn. Bhd. (Ford)

Hubungi : 1300 383 181

Emel : customercare.sdac@simedarby.com

Layari : <https://ford.simemotors.my/owners/important-notice/field-service-action>

AUDI

BIL	MODEL	TAHUN PENGELUARAN	KUANTITI KENDERAAN	PERKARA
1.	AUDI e-tron GT	2022 - 2024	48	Rekahan pada hos brek bahagian gandar hadapan kemungkinan berlaku dari semasa ke semasa.
	RS e-tron GT		49	
2.	AUDI e-tron GT	2022 - 2023	32	Ketidak normalan beberapa modul individu bateri voltan-tinggi.
	RS e-tron GT		39	

PHS Automotive Malaysia Sdn. Bhd.(Audi)

Hubungi : 1-800-22-2834

Emel : info@audi.com.my

Layari : www.audi.com.my

MERCEDES

BIL	MODEL	TAHUN PENGELUARAN	KUANTITI KENDERAAN	PERKARA
1.	Mercedes-Benz S 580 e	2020 - 2023	9	Kawalan lambda dalam perisian unit kawalan enjin mungkin tidak memenuhi spesifikasi.
2.	Mercedes-AMG E 53	2017 - 2022	3	Penyambung elektrik untuk rangkaian pendawaian transmisi mungkin tidak dihasilkan dengan betul.
	Mercedes-AMG CLS 53		4	
	Mercedes-AMG GT 43		1	
	Mercedes-AMG GT 53		1	

Mercedes-Benz Malaysia Sdn. Bhd.

Hubungi : 1-800-88-1133

Emel : cs.mys@cac.mercedes-benz.com

Layari : <https://www.mercedes-benz.com.my/>